

**Kenyataan Dasar**  
**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**  
**2/2013**

Tarikh: 31 Disember 2013

**Ekonomi Global**

1. Ekonomi global terus menunjukkan pemulihan secara sederhana pada tahun ini dengan jangkaan pertumbuhan di ekonomi maju dan ekonomi membangun pada tahun hadapan. Dasar monetari di kebanyakan negara kekal *accomodative* yang bertujuan untuk memperbaiki keadaan ekonomi. Pada separuh kedua tahun ini, *volatility* di pasaran kewangan global menjadi perhatian utama disebabkan oleh ketidakpastian mengenai pengurangan *Quantitative Easing (QE)* di Amerika Syarikat. Oleh itu, beberapa ekonomi membangun menghadapi peningkatan risiko dalam usaha mereka untuk mengekalkan kestabilan kadar pertukaran matawang dan aliran modal.

**Perkembangan Ekonomi Negara Brunei Darussalam**

2. Ekonomi Negara Brunei Darussalam kekal berdaya tahan dan terus mencatatkan kadar inflasi pada tahap yang rendah. Bagi pertengahan pertama tahun ini, ekonomi Negara Brunei Darussalam menunjukkan peningkatan sebanyak 1.4% tahun ke tahun. Manakala, bagi suku kedua 2013, pertumbuhan ekonomi domestik meningkat pada kadar 2.0% tahun ke tahun berbanding dengan kadar pertumbuhan sebanyak 0.9% yang dicatatkan pada suku pertama 2013<sup>1</sup>. Ini disebabkan oleh pertumbuhan Sektor Bukan Minyak dan Gas sebanyak 4.1% terutama sekali pertumbuhan Sektor Pengangkutan dan Perhubungan, Perdagangan, Hartanah dan Pemilikan Tempat Kediaman, dan Perkhidmatan Persendirian. Manakala, Sektor Minyak dan Gas menurun sebanyak 0.6% disebabkan oleh pengurangan pengeluaran minyak.

---

<sup>1</sup> Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri, *Quarterly Gross Domestic Product, Q2 2013, Negara Brunei Darussalam*.

3. Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), Jabatan Perdana Menteri telah membuat perubahan kepada tahun asas (*base year*) Indeks Harga Pengguna (IHP) pada 23 November 2013. Tahun asas (*base year*) telah ditukar daripada 2005 kepada 2010 dan kewajaran (*weights*) telah dikemaskinikan bagi kumpulan barangan dan perkhidmatan pengguna berdasarkan Kajian Perbelanjaan Keluarga 2010/11. Sehubungan dengan itu, kadar inflasi dari tahun 2011 telah diselaraskan dengan perubahan tersebut. Bagi tempoh sebelas bulan pertama 2013, purata IHP meningkat sebanyak 0.4% berbanding dengan tempoh yang sama pada 2012.
4. IHP bagi November 2013 meningkat sebanyak 1.0% tahun ke tahun disebabkan oleh peningkatan indeks Pengangkutan, Pakaian dan Kasut; dan Pendidikan<sup>2</sup>. Dolar Brunei dijangka akan terus meningkat selaras dengan kenaikan *Singapore Dollar Nominal Effective Exchange Rate (S\$NEER)*. Berdasarkan tren harga makanan global terkini, inflasi makanan dijangka dapat dibendung. Pada November 2013, Indeks Harga Makanan UNFAO menurun sebanyak 4.4% tahun ke tahun dan menunjukkan penurunan sejak Julai 2013<sup>3</sup>. Dengan Dolar Brunei dan harga makanan global yang stabil serta kawalan harga bagi sesetengah barangan pengguna, inflasi dari barangan import adalah dijangka di tahap yang rendah.

### **Perkembangan Kewangan Negara Brunei Darussalam**

5. Sektor kewangan menunjukkan pertumbuhan yang menggalakkan pada suku ketiga 2013, dengan pertumbuhan aset perbankan sebanyak 1.8% kepada BND20.0 bilion dan deposit sebanyak 1.1% kepada BND17.5 bilion, dengan pertumbuhan kredit sebanyak 5.3% kepada BND5.7 bilion. Institusi perbankan khususnya, telah menunjukkan kedudukan kewangan yang kukuh dengan *Capital Adequacy Ratio* secara purata sebanyak 19.6% pada suku

---

<sup>2</sup> Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi (JPKE), *Consumer Price Index (CPI), November 2013, Negara Brunei Darussalam*.

<sup>3</sup> United Nations Food and Agriculture Organization (UNFAO), *Food Price Index as at November 2013*. Penurunan Indeks Harga Makanan UNFAO adalah berasaskan perubahan tahun-ke-tahun.

ketiga 2013, yang mana melebihi 10% keperluan minima di bawah Perintah Perbankan, 2006 dan Perintah Perbankan Islam, 2008. Nisbah-nisbah keuntungan pada 2013, iaitu *Return on Assets* dan *Return on Equity* masing-masing dijangka akan mencatatkan sebanyak 1.3% dan 9.9%. Disebalik kestabilan pasaran di Negara Brunei Darussalam, bank-bank juga menyelaraskan operasi dengan strategi perniagaan global masing-masing, yang berkemungkinan memberi kesan kepada operasi di dalam negara ini.

6. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, telah memperkenankan Securities Markets Order, 2013 (SMO) pada Jun 2013. Penggubalan SMO adalah salah satu usaha AMBD untuk mengukuhkan rangka kerja undang-undang dan peraturan bagi mengawal aktiviti-aktiviti, institusi-institusi dan instrumen-instrumen di dalam pasaran modal. Perundangan ini menggantikan Securities Order, 2001 dan Mutual Funds Order, 2001.
7. SMO adalah satu perundangan yang komprehensif sejajar dengan objektif dan prinsip peraturan sekuriti yang dikeluarkan oleh International Organisation of Securities Commissions (IOSCO). Perintah ini bertujuan untuk membolehkan penyeliaan yang lebih berkesan ke atas aktiviti pasaran modal dan peserta-pesertanya, disamping menyediakan keperluan *disclosure requirements* yang lebih baik yang akan meningkatkan perlindungan pelabur dan keyakinan pasaran.
8. SMO menyediakan rangka kerja untuk pelesenan dan penyeliaan aktiviti pasaran modal, termasuk:-
  - Pengendali pasaran seperti bursa sekuriti, *clearing house*, pusat depository sekuriti, *trading facilities* dan agensi penarafan kredit;
  - Pengantaraan pasaran modal seperti pihak yang melaksanakan *dealing*, menguruskan transaksi atau mengaturkan pelaburan, menguruskan pelaburan dan memberikan khidmat nasihat pelaburan; dan

- Instrumen sekuriti seperti saham, *debentures* dan *collective investment schemes*.
9. Pada Ogos 2013, AMBD mengeluarkan Notis mengenai pelantikan juruaudit luar bagi bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan berlesen yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti audit dengan mengukuhkan kriteria kelayakan untuk pelantikan, prosedur permohonan dan keperluan melapor selaras dengan amalan pengawalan terbaik. Notis ini berkuatkuasa ke atas juruaudit yang dilantik bagi tahun kewangan bermula pada dan selepas 1 Januari 2013.
  10. Sejak bermulanya perkhidmatan Biro Kredit<sup>4</sup>, lebih daripada 79,000 laporan kredit telahpun digunakan oleh bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan, yang mana 90% daripada laporan tersebut telah digunakan bagi permohonan kemudahan kredit baru. Laporan kredit ini membolehkan bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan membuat keputusan dengan maklumat yang lebih lengkap dalam mempertimbangkan pemberian pinjaman. Dalam hubungan ini, adalah diperhatikan kualiti aset telahpun bertambah baik sejak September 2012. Dalam perkembangan positif yang lain, pelaksanaan perkhidmatan Biro Kredit telahpun diiktiraf di dalam laporan *Doing Business 2014* yang telah dikeluarkan oleh The World Bank.

### **Perkembangan Masa Depan**

11. Pengeluaran peraturan-peraturan mengenai pengawalan kadar pinjaman/pembiayaan pada bulan Mac 2013 kepada bank-bank berlesen termasuk Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), adalah antarlainnya bertujuan untuk membantu dan meningkatkan pinjaman/pembiayaan kepada sektor-sektor produktif pada kadar yang berpatutan, khususnya kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). AMBD, dengan konsultasi bersama bank-bank, akan terus menerokai

---

<sup>4</sup> Perkhidmatan Biro Kredit kepada Ahli-Ahli telah bermula pada September 2012.

langkah-langkah bagi membolehkan bank-bank dan pengantara kewangan (*financial intermediaries*) yang lain untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam memberikan kemudahan kewangan yang lebih baik bagi perkembangan PKS.

12. AMBD telah meletakkan celik kewangan (*financial literacy*) sebagai satu agenda utama dengan mengambilkira kepentingan rangkuman kewangan (*financial inclusion*) bagi kemajuan ekonomi dan kestabilan kewangan. Dalam meningkatkan tahap celik kewangan di negara ini, AMBD sedang dalam proses merumus strategi celik kewangan termasuk mengadakan program yang bersesuaian dengan kerjasama pihak yang berkaitan.
13. Tahap penembusan takaful/insurans di pasaran domestik adalah masih rendah yang mungkin disebabkan oleh kurangnya kefahaman dan kesedaran terhadap manfaat takaful/insurans. AMBD sedang melaksanakan kajian dengan objektif untuk menilai tahap kesedaran orang awam mengenai takaful/insurans; kepuasan pelanggan terhadap produk dan perkhidmatan yang sedia ada; dan keperluan pasaran takaful/insurans di masa hadapan. Hasil daripada kajian tersebut akan dapat membantu dalam menentukan hala tuju strategik jangka panjang dan juga untuk memajukan industri takaful/insurans.